



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 07/2025

IBADAH ZAKAT, WAKAF DAN SEDEKAH TERAS PEMBANGUNAN UMMAH

18 JULAI 2025 | 22 MUHARAM 1447H

أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ،

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿٢٦٧﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Taala dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita mendapat kehidupan yang sejahtera di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Sempena bulan zakat di negeri Pahang pada bulan ini, khutbah Jumaat hari ini bertajuk “**Ibadah Zakat, Wakaf dan Sedekah Teras Pembangunan Ummah.**”

Islam menggalakkan umatnya untuk memiliki harta, memandangnya sebagai amanah daripada Allah Taala. Pengurusan kekayaan yang betul adalah penting dalam mengagihkan dan membelanjakannya, kerana ia memberi kesan yang ketara kepada penyempurnaan ibadah dan kebajikan sosial bagi mereka yang memerlukan. Ia juga merupakan sumber kebaikan di akhirat. Firman Allah Taala dalam al-Quran, Surah an-Nur ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Yang bermaksud: *“Dan dirikanlah solat serta tunaikanlah zakat dan taatlah kamu kepada Rasulullah, supaya kamu beroleh rahmat.”*

Bagi memastikan kekayaan umat Islam disalurkan kepada mereka yang memerlukan dan mengekalkan kelestarian ekonomi, Allah Taala telah menggariskan zakat, wakaf, sedekah dan infak lain sebagai usaha untuk menjaga kepentingan ummah di sesebuah negara.

Sidang Jemaah yang dikasihi,

Zakat ialah rukun Islam ketiga yang diwajibkan ke atas setiap Muslim yang berkemampuan dari segi kewangan. Tujuannya bukan sahaja untuk membantu golongan asnaf, tetapi juga untuk menyucikan harta dan membersihkan jiwa orang yang menunaikannya.

Zakat mencerminkan semangat saling membantu dalam kalangan masyarakat Islam, di mana golongan berada menunaikan tanggungjawab terhadap golongan asnaf sebagaimana ditegaskan dalam surah at-Taubah ayat 60 yang bermaksud: *“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, dan orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang tiada perbelanjaan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”*

Ayat tersebut menunjukkan bahawa zakat bukan sekadar ibadah individu, tetapi juga satu sistem kebajikan yang menyeluruh kepada masyarakat Islam. Dalam hal ini, Pusat Kutipan Zakat Pahang sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) untuk mengurus kutipan zakat di negeri ini telah menyediakan

pelbagai kaedah pembayaran zakat sama ada secara bersemuka mahupun secara dalam talian. Dengan adanya kesedaran masyarakat Islam menunaikan zakat, serta pengurusan yang cekap, diyakini membuahkan peningkatan ketara dalam kutipan zakat di negeri Pahang.

Sementara itu, agihan zakat pula dikendalikan secara terus oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang melaksanakan pelbagai program untuk memperbaiki taraf hidup golongan asnaf. Bantuan disalurkan sepanjang tahun melalui 48 skim merangkumi keperluan asas, pendidikan, perumahan, perniagaan dan dakwah. Agihan sebanyak RM 248 juta telah memberi manfaat kepada 113, 800 orang penerima pada tahun 2024.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Zakat dan wakaf merupakan dua bentuk ibadah harta yang amat dituntut dalam Islam. Kedua-duanya berperanan membantu golongan yang memerlukan dan membina kesejahteraan ummah. Jika zakat bersifat wajib dan diagihkan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak, maka wakaf pula adalah sumbangan secara sukarela yang manfaatnya berkekalan. Justeru, setelah menunaikan kewajipan zakat, umat Islam digalakkan pula untuk berwakaf sebagai pelaburan akhirat yang tidak terputus ganjarannya.

Islam sangat menggalakkan amalan berwakaf. Ia disyariatkan sebagai satu jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah Taala dengan menginfakkan harta di jalan-Nya. Wakaf memberi peluang kepada individu untuk menyumbangkan harta bagi kegunaan umum, sama ada untuk tujuan keagamaan atau kebajikan, dengan manfaat yang berpanjangan. Ganjaran bagi mereka yang berwakaf amat besar dan berterusan, walaupun setelah mereka meninggal dunia. Firman Allah Taala dalam surah Ali Imran ayat 92:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Yang bermaksud: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

Wakaf telah memainkan peranan penting dalam sejarah Islam sejak zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan terus berkembang sehingga kini. Penglibatan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat dalam amalan wakaf membuktikan bahawa institusi ini mampu menyumbang kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi umat.

Di Pahang, Wakaf Pahang berperanan mengurus dana wakaf sama ada dalam bentuk tunai atau aset, serta melaksanakan pembangunan tanah wakaf dengan teratur bagi menghasilkan pulangan yang memberi manfaat besar kepada kemajuan ekonomi umat Islam. Walaubagaimanapun, perkembangannya masih perlahan dan memerlukan sokongan dan penglibatan masyarakat secara keseluruhan.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Selain zakat dan wakaf, sedekah turut menjadi salah satu kaedah pengagihan semula kekayaan yang amat ditekankan dalam al-Quran dan Sunnah. Allah Taala menegaskan bahawa harta yang disedekahkan akan diberkati dan digandakan ganjarannya di akhirat. Oleh itu, kita digalakkan untuk bersedekah dengan penuh keikhlasan walaupun sedikit ia mampu membawa kebaikan besar kepada mereka yang memerlukan.

Kesimpulan khutbah hari ini ialah:

Pertama: Harta itu adalah amanah daripada Allah Taala dan mengandungi hak asnaf yang mesti ditunaikan dan akan dipersoalkan pada hari kiamat. Dengan melaksanakan infak tersebut, yakinlah bahawa kehidupan kita akan diberkati oleh-Nya.

Kedua: Islam mewajibkan zakat dan menggalakkan wakaf serta sedekah sebagai jalan penyelesaian untuk membantu mereka yang berada dalam kemiskinan.

Ketiga: Gabungan kesemua infak ini akan menyumbang kepada kesan yang besar dalam pembangunan ummah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ
سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ ۗ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Yang bermaksud: “Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.